

# PATRIOT

BULETIN KEMENTERIAN PERTAHANAN

ISSN 1511-1849 BIL : 3/2012

PERCUMA



AMAL SENTIASA AMAL  
SORT STABILIZE SHINE  
STANDARDIZE SUSTAIN  
SISIH SUSUN SAPU SERAGAM  
SEN



## DARI MEJA KETUA EDITOR

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera untuk anda semua...**

Tahun 2012 telah melobuhkan tirainya dan kini tahun baru telah menjelma. Begitu pantas masa berlalu sehingga tanpa disedari kita sudahpun berada di tahun 2013. Sepanjang tahun 2012, pelbagai aktiviti dan program yang telah dijalankan di Kementerian Pertahanan. Antaranya ialah acara Defence Service Asia [DSA] yang telah berlangsung pada bulan April 2012 yang lalu dan juga acara tahunan seperti Hari Inovasi pada bulan September 2012. Kementerian Pertahanan juga telah menghadapi beberapa siri pengauditan dalam tahun 2012 dan Alhamdulillah semuanya telah berjalan dengan lancar.

Pengauditan Sistem Star Rating [SSR] oleh MAMPU yang telah dijalankan pada 2012 telah menyaksikan bagaimana Kementerian Pertahanan sentiasa bersedia untuk menerima kunjungan para juruaudit dari pihak MAMPU. Selain dari pengauditan SSR, kita tidak pernah lupa mengenai pengauditan yang amat penting dan sentiasa berjalan di Kementerian Pertahanan adalah pengauditan program **5S**.

Beberapa siri pengauditan Program **5S** dalaman dan juga oleh pihak MAMPU juga telah mengambil tempat sepanjang tahun 2012. Pada 10 Oktober 2012, Gotong Royong Perdana dan Pelancaran Kempen Tandas Bersih telah diadakan dan dirasmikan oleh Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Untuk makluman semua, Sijil Amalan 5S Kementerian Pertahanan telah tamat pada 30 Oktober 2012, dan kita telah diaudit semula pada 23 Oktober 2012. Tahun 2012 pertama kalinya Persijilan Persekitaran Amalan **5S** diaudit oleh pihak MAMPU dimana kali ini tempoh persijilan adalah selama 2 tahun.

Saya terpenggil untuk menceritakan betapa saya sangat teruja bila melihat semangat semua warga Kementerian Pertahanan mengenakan pakaian khas program **5S** setiap hari jumaat dan bergotong-royong bersama-sama di peringkat bahagian masing-masing. Warga Kementerian Pertahanan akan semakin bersemangat sekiranya pengauditan dalaman dan peangauditan oleh pihak MAMPU dilakukan. Ini adalah perkara positif yang perlu diamalkan seperti mana '**S**' yang kelima iaitu Sentiasa Amal.

Dalam siri khas program **5S** ini, kami ingin mengimbas semula kenangan sepanjang siri pengauditan dan aktiviti gotong royong yang telah dijalankan sepanjang 2012. Disamping itu juga seperti biasa, para wartawan kami dan penulis undangan masih mengisi ruangan majalah patriot ini dengan artikel mengenai pelbagai aktiviti yang dijalankan pada suku akhir tahun 2012. Akhir kata, semoga tahun 2012 memberi banyak pengajaran dan iktibar untuk kita semua dan tahun 2013 akan memberi anda semua penuh semangat dan iltizam untuk terus maju dan lebih berjaya.

**Sekian, Wassalam. Salam penuh kemesraan.**

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YBhg Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia

### PENASIHAT

Razman Hakimi bin Abdullah  
Ketua Komunikasi Korporat

### KETUA PENGARANG

Masnoor bin Ashaari

### EDITOR

Nazrie bin Saini

### WARTAWAN

Fazliatul binti Mohamed Isa  
Sjn U Iruwan bin Alias  
Pbt Yussuhaimi bin Yusuf

### PENULIS TAMU

Lt Mohd Hafiz bin Sabilan [MinDef Sabah]  
Sjn Aidi bin Mat Amin  
Wan Nurhazirah Bt Wan Shamsuri [Pelatih UNISEL]  
Muhammad Hisyam bin Mohd Dris [Pelatih UiTM]  
Mohamed Khairul Bin Kamal [Pelatih UiTM]  
Haironizan Mohd Idris [Pelatih UiTM]

### FOTO

Sel Liputan &  
Sel Rujukan dan Penerbitan, UKK

### TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertahanan Malaysia

Sidang Redaksi Buletin PATRIOT mengalu-alukan sumbangan artikel mengenai aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi dibawahnya. Artikel hendaklah dihantar kepada:

### Editor

Buletin PATRIOT  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
Jalan Padang Tembak  
50634, Kuala Lumpur  
Tel: 03-2071 4008  
Emel : nazrie@mod.gov.my



## KANDUNGAN

- 3 >> Menteri Pertahanan Dan Media Bersatu
- 4 >> Lawatan Suruhanjaya Khas Mengkaji Perkhidmatan Awam
- 5 >> Makan Malam Rasmi Sempena 1 Malaysia-China Strategic Defence Security Consultation
- 6 >> Pembaharuan Baru Buat Veteran ATM Tidak Berpencen
  
- 7 >> Modul Smart Salat Diperkenal
- 8 >> Perbarisan Hari Ulang Tahun ATM Ke-79
- 9 >> Ratu Skuasy Negara Kini Mejar Kehormat TUDM
- 10 >> KADSIM, Beri Manfaat Kepada Pelajar UPNM
- 11 >> Perbarisan Istiadat Sambutan Hari Pahlawan Disambut Meriah
  
- 12 >> Zahid Hamidi Terima Gelaran Datuk Seri Panglima
- 13 >> Muhiyiddin Yasin Ke Pangkalan Udara Subang
- 14 >> 5s Sepanjang Tahun 2012
- 16 >> Pasukan Bola Sepak ATM Mengadap Yang Di-pertuan Agong
- 19 >> Kemunculan "THE GLADIATOR"
- 20 >> Sehari Bersama Media
- 21 >> S.W.I.R.M.O
  
- 22 >> Istiadat Majlis Pemasyihuran Canselor Dan Konvokesyen UPNM
- 23 >> Kem Tahunan Sukarela Siri 2/2012, Rejimen 515 Askar Wataniah
- 24 >> Satu Pengorbanan Yg Dihargai
- 25 >> 1Malaysia Big Bike
- 26 >> EC725 Cougar Pengganti Nuri
- 27 >> Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia
- 28 >> Usaid 2012
- 29 >> Askar Wataniah





## MENTERI PERTAHANAN DAN MEDIA BERSATU

**Artikel :** Haironizan bin Mohd Idris (Pelatih UiTM)

**Foto :** Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada 3 September 2013 yang lalu, seramai 65 orang Editor Kanan berpeluang melawat Kem Tentera Udara Diraja Malaysia yang terletak di Kuantan dengan menaiki pesawat jenis Charlie milik TUDM. Dalam siri lawatan bersama Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, seawal jam 6:00 pagi pihak media telah berkumpul di Pengkalan Udara Subang dan menjalani beberapa prosedur sebelum dibenarkan menaiki pesawat menuju ke Kuantan.

Sebelum mendarat satu gimik dipersembahkan iaitu demonstrasi security inspection di mana pesawat yang dinaiki itu diandaikan turut dinaiki oleh empat orang penjenayah seinggakan pihak TUDM menghantar dua jet pejuang jenis MiG 29N mengiringi pesawat yang dinaiki pihak media menjadi tebusan ini memaksa juruterbang pesawat jenis Charlie melakukan pendaratan kecemasan. Demonstrasi ini dilakukan oleh Pasukan Khas Tentera Udara (PASKAU).

Dalam majlis yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan tentera Kementerian Pertahanan ini, selain daripada melawat, diadakan pameran pertunjukan penerbangan dan buat pertama kalinya TUDM membawa pengamal media melawat serta meninjau peralatan yang dimiliki dalam melaksanakan tugas-tugas mendaulatkan ruang udara Malaysia.





## LAWATAN KERJA SURUHANJAYA KHAS MENGENAI TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (SKMTPA) KE PANGKALAN TLDM KOTA KINABALU (PTKK)

Artikel : Lt Mohd Hafiz bin Sabitan (MinDef Sabah)

Foto : Pdt Zaid Zaidy bin Zukifli

Pada 4 September yang lalu, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu [PTKK] telah dikunjungi oleh Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam [SKMTPA] yang di ketuai oleh Mantan Ketua Hakim Negara YBhg Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi selaku Pengerusi Suruhanjaya Khas ini. Tujuan Lawatan Suruhanjaya ini adalah untuk melihat peranan dan fungsi ATM serta keupayaan mengendalikan aset-aset strategik ATM ke arah memelihara Kedaulatan Negara. Delegasi Suruhanjaya ini telah disambut oleh Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hji Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat [PTD] selaku wakil Panglima Angkatan Tentera, Laksamana Madya Datuk Haji Mohammed Noordin bin Ali Timbalan Panglima Tentera Laut [TPTL], Mej Jen Dato' Sabri bin Adam, Panglima 2 Division Udara mewakili Panglima Tentera Udara, Mej Jen Datuk Abdul Aziz bin Ibrahim, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota, Laksamana Dato' Pahlawan Mohammad Roslan Omar, Panglima Wilayah Laut 2 [PWL 2] dan Panglima Angkatan Kapal Selam [PAKS] Laksamana Pertama Abdul Rahman bin Ayob serta pegawai pegawai kanan ATM dan TLDM di PTKK.

Semasa lawatan, ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Khas ini telah di beri taklimat dan di tunjukkan keupayaan aset strategik dalam ATM serta ditunjukkan satu demonstrasi di Hangar Stesen Udara PTKK dan Markas Angkatan Kapal Selam [MAKS]. Acara yang bermula pada jam 1500H petang hingga 1630H oleh Pasukan Khas ketiga-tiga perkhidmatan. Pelbagai acara dipertontonkan iaitu Agility shooting, Roll Duck, High Atitude Low Opening Freefall [HALO], Fast Roping dan lain-lain.

Delegasi Suruhanjaya Khas ini terdiri daripada Tan Sri Ismail bin Adam Mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Dato' Hj Alimuddin bin Hj Mohd Dom Mantan Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr. Hadenan bin Abd. Jalil Mantan Ketua Audit Negara, Tan Sri Hussin bin Ismail Mantan Timbalan Ketua Polis Negara, Mej Jen [Bersara] Dato' Paduka Che Hasni bin Che Ahmad Mantan Panglima Latihan Tentera Darat dan Dato' Hj Omar bin Hj Osman Presiden CUEPACS.





## MAJLIS MAKAN MALAM RASMI SEMPENA 1st MALAYSIA-CHINA STRATEGIC DEFENCE SECURITY CONSULTATION DI SHANGRI-LA HOTEL KUALA LUMPUR

Artikel : Wan Nurhazirah Bt Wan Shamsuri (Pelatih UNISEL)

Foto : Sjn Syuhada bt Abu Bakar

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail b. Haji Ahmad telah menghadiri satu Majlis Makan Malam Rasmi Bersempena 1st Malaysia-China Strategic Defence Security Consultation pada 8 September 2012 di Hotel Shangri-La Kuala Lumpur. Majlis tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai atasan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Majlis makan malam tersebut bakal mewujudkan kerjasama diantara dua pihak serta mengekalkan kestabilan dirantau Asean dan meningkatkan industri pertahanan, latihan dan pertukaran pegawai-pegawai kanan.

Selain itu, kerjasama yang telah dijalankan adalah satu langkah pragmatik dalam merealisasikan hubungan yang lebih rapat antara Malaysia dan China.





## PEMBAHARUAN BARU BUAT VETERAN ATM TIDAK BERPENECEN

Artikel : Nurhazirah bt Wan Shamsuri (Pelatih UNISEL)

Foto : Sjn Syuhada bt Abu Bakar

Tanggal 13 September 2012 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV-ATM-TBP) yang disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur menjadi saksi di mana program yang dilaksanakan oleh PERHEBAT dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan, swasta dan NGO ini bertujuan untuk membangunkan ekonomi veteran ATM yang tidak berpencen.

Sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi pelaksanaan pelbagai program. Program yang dilaksanakan ini adalah sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi veteran ATM tidak berpencen agar mereka dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik setelah menamatkan perkhidmatan. Kini kira-kira 175,000 orang telah tersenarai, walau bagaimanapun keutamaan akan diberikan kepada yang berusia 60 tahun ke atas bagi meringankan beban dan meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Antara objektif yang cuba dicapai dalam majlis ini adalah merasmikan Buku Pelan Strategik Pembangunan Sosioekonomi Veteran Angkatan Tentera Malaysia Tidak Berpencen (PPSEV-ATM-TBP), mengumpul para pesara Angkatan Tentera Malaysia tidak berpencen untuk berdialog bersama YB Menteri Pertahanan, memberikan peluang dan pendedahan kerjaya secara berskala besar kepada pesara, membina potensi diri melalui Kaedah Seminar Perdana, melancarkan pelaksanaan Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial bagi bekas Angkatan Tentera tidak berpencen juga perkongsian "Success Story" yang telah dilaksanakan oleh pihak PERHEBAT.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, Panglima-Panglima Perkhidmatan dan Pengerusi PERHEBAT, Laksamana Tan Sri Dato' Seri Ilyas bin Haji Din [Bersara].





## MODUL SMART SOLAT DIPERKENALKAN

Artikel : Mohamed Khairul Bin Kamal (Pelatih UiTM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada 13 September tahun 2012 telah berlangsung Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Pelancaran Modul Baru Program Latihan Khidmat Negara. Majlis yang berlangsung sempena menyambut Bulan Syawal dan juga Bulan Kemerdekaan itu dihadiri oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang merasmikan Modul Baru Program Latihan Khidmat Negara iaitu Modul Smart Solat di ibu pejabat JLKN yang terletak di dalam bangunan Zetro. Turut hadir ke majlis tersebut adalah YB Datuk Dr. Tiki Lafe selaku Pengerusi bagi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) dan YBhg. Dato' Abdul Hadi Awang Kechil selaku Ketua Pengarah bagi JLKN. Turut sama memeriahkan majlis adalah warga petugas JLKN, para jurulatih dan wakil-wakil pelatih PLKN hadir ke majlis itu.

Modul Smart Solat ini dilancarkan bertujuan untuk membantu para pelatih PLKN yang tidak arif tentang ibadah solat agar mendalami ibadah solat itu dengan lebih terperinci di samping mengisi kerohanian para pelatih agar lebih beriman dan berdisiplin pada diri sendiri. Program ini amat menitikberatkan tentang hal-hal bacaan di dalam solat agar dapat dikuasai oleh pelatih PLKN. Sistem 'buddy' akan dijalankan di mana akan ada pelatih yang dipilih oleh fasilitator mereka dan akan dibimbing dari sudut prinsip asas dan amali solat agar para pelatih PLKN akan mampu menunaikan solat dengan sempurna setelah mengikuti Modul Smart Solat ini.







## PERBARISAN HARI ULANG TAHUN ATM KE-79

Artikel : Haironizan bin Mohd Idris (Pelatih UiTM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Istiadat Perbarisan Berjalan Lalu Bersama Panji-Panji Rejimen dan Skuadron Sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah berlangsung bertempat di Dispersal No 20 Skuadron, Pangkalan Udara Subang. Perbarisan kali ini dijayakan seramai 29 pegawai dan 488 anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh Ketua Perbarisan iaitu Lt Kol Masro bin Kaliwon TUDM, Pegawai Memerintah No 14 Skuadron, Labuan. Pancaragam yang mengiringi perbarisan ialah Gabungan Pancaragam Pusat ATM yang terdiri daripada seorang pegawai dan 120 anggota lain-lain pangkat dipimpin oleh Kapten Mohd Subri bin Mohamed Isa TUDM.

Ketika berlangsungnya majlis jamuan sempena Perbarisan Hari Ulang Tahun ATM ke-79 di Hangar No 16 Skuadron, diadakan juga Majlis Anugerah Siaga Panglima Angkatan Tentera bagi tahun 2012 yang mana disempurnakan sendiri oleh Panglima Angkatan Tentera. Dalam jamuan ini juga majlis diiringi alunan muzik oleh 3 Piece Band dari Kombo Seni Udara. Majlis yang berlangsung selama lebih tiga jam ini turut dihadiri tetamu kenamaan Panglima Angkatan Tentera, Panglima Tentera Laut, Panglima Tentera Udara, Timbalan Panglima Tentera Darat dan Mantan-Mantan Panglima Angkatan Tentera dan Panglima Perkhidmatan serta Penasihat Pertahanan Negara Asing (DA)





## RATU SKUASY NEGARA KINI MEJAR KEHORMAT TUDM

Artikel : Sjn U Irwan bin Alias  
Foto : Sjn Syuhada bt Abu Bakar

Wirawati Negara, Datuk Nicole Ann David sangat dikagumi dalam arena skuasy antarabangsa dan memegang gelaran pamin nombor satu dunia yang dipegangnya sejak 2007. Atas kehebatan dan contoh terbaik kepada masyarakat maka beliau telah ditauliahkan sebagai [Mejar Kehormat] Tentera Udara Diraja Malaysia. Majlis pentauliahkan disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara, Jenaral Tan Sri Dato Sri Rodzali Daud pada 19 September 2012. Pentauliahkan ini merupakan penganugerahan Tauliah Kehormat PSSTUDM yang pertama oleh TUDM kepada atlet sukan negara.

Jasa dan Komitmen yang di sumbangkan beliau kepada negara dalam sukan Skuasy dan sekali gus menjadikan Ratu Skuasy negara ini sebagai ikon kepada rakyat Malaysia khususnya anggota TUDM. Semangat juang yang tinggi yang dipamerkan semasa menentang lawan digelanggang seharusnya dijadikan inspirasi kepada kepada semua pegawai dan anggota dalam melaksanakan tugas. Semoga dengan pertauliahkan ini memberi dorongan kepada beliau sekaligus menjadi contoh terbaik kepada masyarakat luar untuk lebih mengenali kerjaya di dalam Tentera Udara Diraja Malaysia.



## KADSIM, BERI MANFAAT KEPADA PELAJAR UPNM

Artikel : Wan Nurhazirah Bt Wan Shamsuri (Pelatih UNISEL)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa Malaysia (KADSIM) kepada semua pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). KADSIM tersebut telah diagihkan secara berperingkat kepada hampir 1.5 juta pelajar institusi pengajian tinggi diseluruh pelusuk Negara termasuk 2,259 orang pelajar UPNM. Ia adalah bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup pelajar terutamanya yang membabitkan penyesuaian pembelian sosio-ekonomi dan perkhidmatan terpilih berdasarkan terma serta syarat ditetapkan syarikat. Sebagai simbolik kepada majlis ini, penyerahan KADSIM disampaikan kepada 12 orang wakil pelajar UPNM di Dewan Bestari UPNM, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.

YB Dato' Seri juga menasihatkan kepada mana-mana syarikat yang menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk terus menawarkan diskaun kepada pelajar menerusi KADSIM dan supaya lebih bertanggungjawab dan tidak mengaut keuntungan semata-mata.

Turut yang hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK, Daud Tahir, Naib Canselor UPNM, Lt Jen Dato' Seri Allatif Mohd Noor, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Ruyayah Mohamed, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat, Dato' Jesbil Singh.





## PERBARISAN ISTIADAT SAMBUTAN HARI PAHLAWAN DISAMBUT MERIAH

Artikel : Sjn Aidi bin Mat Amin

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke V, Sultan Kelantan berkenan mencemar duli berangkat menghadiri Perbarisan Istiadat Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2012 bertempat Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 September 2012.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V yang juga Sultan Kelantan berkenaan menghadiri istiadat tersebut serta melakukan pemeriksaan Barisan Kawalan Kehormatan Utama (KKU) oleh Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD). Tiupan sayu trompet mengalunkan Paluan Last Post pada istiadat Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2012 di Dataran Merdeka itu menimbulkan rasa sayu dalam kalangan hadirin.

Ketika ia dimainkan, Jalur Gemilang secara simboliknya diturunkan dan anggota tentera, polis serta pertahanan luar yang beruniform memberi tabik hormat sementara hadirin lain bangun bagi memperingati pahlawan negara yang terkorban demi mempertahankan tanah air. Di medan perang pada zaman dahulu, paluan akhir dimainkan pada pukul 6.30 petang itu ketika anggota tentera mencari dan mengumpulkan mayat rakan terkorban serta di peringat sejagat pula, ia dimainkan ketika pengebumian anggota pasukan keselamatan yang terkorban ketika bertugas.

Pada sambutan itu juga, satu persembahan pentomin diadakan bagi memaparkan kisah para pejuang dahulu menentang Jepun serta pengganas komunis dan menampilkan slot khas dan menceritakan pengalaman tempur wira negara, Datuk Kanang Anak Langkau. Beliau ketika ditemui selepas upacara itu tidak dapat menahan kesedihan apabila mengingati para sahabat yang terkorban sewaktu menentang komunis pada 70-an dan 80-an, Beliau tidak sesekali akan dapat menerima atau memaafkan golongan yang menganggap komunis sebagai pejuang negara.

Pentomin kali ini dipersembahkan oleh gabungan Badan Kesenian Tentera Darat dan anggota dari 4 Divisyen di bawah pimpinan Mej Abd Rais bin Isa. Perbarisan ini diadakan setiap tahun dalam usaha mengenang jasa-jasa dan darah yang tumpah oleh pejuang-pejuang tanah air bagi mendapat dan mengekalkan kemerdekaan negara tercinta.

Turut Hadir pada majlis istiadat itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosnah Mansor; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Dalam Negeri Datuk Hishammuddin Tun Hussein serta isteri, Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar serta pasangan masing-masing, pembesar negara serta duta asing.



## ZAHID HAMIDI TERIMA GELARAN DATUK SERI PANGLIMA

Artikel : Lt Mohd Hafiz bin Sabilan

Foto : Lt Mohd Hafiz bin Sabilan

Pada 01 Okt 2012, tiga menteri Persekutuan telah menerima anugerah Seri Panglima Darjah Kinabalu [SPDK], darjah kebesaran tertinggi Sabah daripada Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin, di Istana Negeri di sini. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein mendahului senarai penerima darjah berkenaan, diikuti Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Darjah SPDK itu membawa gelaran 'Datuk Seri Panglima.' Turut menerima darjah kebesaran itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman. Hadir sama pada upacara penganugerahan darjah kebesaran negeri itu ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman. Penganugerahan darjah kebesaran berkenaan sempena ulang tahun kelahiran rasmi Tun Juhar Mahiruddin yang ke-58.





## MUHIYIDDIN YASSIN KE PANGKALAN UDARA SUBANG

Artikel : Muhammad Hisyam bin Mohd Dris (Pelatih UiTM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada 4 oktober 2012 YAB Timbalan perdana menteri Malaysia Tan Sri Muhiyiddin Yassin telah turun padang dan beramah mesra bersama warga Pangkalan Udara Subang. Majlis ramah mesra ini diadakan untuk melihat suasana dan melawat warga Pangkalan Udara Subang.

YAB Timbalan perdana menteri Malaysia Tan Sri Muhiyiddin Yassin juga telah mengambil kesempatan untuk melawat dan menyampaikan sumbangan untuk meringankan beban anggota-anggota TUDM yang mengalami sakit kronik serta orang kelainan upaya dari kalangan keluarga warga TUDM.

Selain itu, YAB Timbalan perdana menteri Malaysia Tan Sri Muhiyiddin Yassin juga dapat mendengar keluhan hati dan dapat menyelami isi hati warga TUDM secara lebih dekat apabila kunjungan seperti ini diadakan.

Turut serta di majlis ini ialah Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertanian dan Asas Tani YB Datuk Seri Noh Bin Omar, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Dr. Haji Bin Abdul Latiff Bin Ahmad; Timbalan Menteri Kerja Raya YB Dato' Sri Ir Mohd Zain, Panglima Tentera Udara Yang Berbahagia Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali Daud TUDM selaku tuan rumah serta pegawai-pegawai kanan TUDM.





## 5S SEPANJANG TAHUN 2012

5S Sisi, Susun Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal mula dipraktikkan di Kementerian Pertahanan pada tahun 2009 dimana Unit Inovasi dibawah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Sepanjang tahun 2012 tiga siri pengauditan telah dilaksanakan. Siri 1/2012 telah dilaksanakan pada 14 hingga Mac 2012. Prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh Bahagian yang mencapai markah 95% ke atas adalah seperti di bawah.

|   |                  |  |
|---|------------------|--|
| Bahagian Akaun  | - <b>97.83%</b>  | - Bahagian Terbaik akan menerima sebuah Piala Pusingan |
| Bahagian Undang-Undang Dan Pejabat Ketua Hakim Peguam | - <b>97.54%</b>  |  |
| Bahagian Pentadbiran                                  | - <b>97.20 %</b> |  |
| Bahagian Industri Pertahanan                          | - <b>97.07%</b>  |  |
| Bahagian Kewangan                                     | - <b>95.27%</b>  |  |

Disamping itu, Keputusan Anugerah Pertandingan Pejabat Terbaik dan Program Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Kementerian Pertahanan Siri 1/2012 dan bentuk hadiah adalah seperti berikut:

Juruaudit Terbaik dihadiahkan kepada Encik Goh Chee Pin dari Bahagian Kewangan dan beliau menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai RM200.00

Sudut Bahagian Terbaik pula dimenangi oleh Bahagian Pentadbiran dengan purata markah 99.23%. pemenang bagi kategori ini memenangi wang tunai RM500.00 dan Sijil Penghargaan.

Q' Manager Terbaik pula dimenangi oleh Puan Noorazreen binti Mohd Yusoff dari Bahagian Akaun yang dipilih sebulat suara sebagai Q Manager terbaik bagi siri pengauditan kali ini. Beliau mendapat wang tunai RM100.00 dan Sijil Penghargaan.

Zon Terbaik pula dianugerahkan kepada Bahagian Akaun iaitu Zon Bayaran dengan markah 98.70%. Zon ini menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai RM200.00 pengauditan kali ini. Beliau mendapat wang RM200.00

Ahli Zon Terbaik telah dianugerahkan kepada Puan Rahimah bt Awang Mohd dari Bahagian Akaun. Beliau telah mendapat sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak RM100.00. Sebelum ini Pegawai berkenaan pernah bertugas di Bahagian Kewangan dan Zon di bawah seliaan beliau sentiasa mendapat tempat tertinggi.

|    |                      |        |                                |
|----|----------------------|--------|--------------------------------|
| 1. | Bahagian Akaun       | 98.70% | Zon Bayaran [Markah tertinggi] |
| 2. | Bahagian Pentadbiran | 98.58% | Zon Polaris                    |
| 3. | BUU/KHP              | 98.16% | Zon BUU/KHP                    |

Bagi siri 2/2012 pula, pengauditan telah dilaksanakan pada 26 hingga 28 Jun 2013. Siri 2 ini menunjukkan Bahagian Akaun mengungguli keseluruhan terbaik buat kali kedua.

|  |        |  |
|--|--------|--|
| Bahagian Akaun                           | 98.18% | Bahagian Terbaik akan menerima sebuah Piala Pusingan |
| Bahagian Pentadbiran                     | 97.86% |  |
| Bahagian Pembangunan                     | 96.67% |  |
| Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik | 96.20% |  |
| Bahagian Perolehan                       | 96.16% |  |
| MinDef Sarawak                           | 96.06% |  |
| Bahagian Kewangan                        | 95.85% |  |
| MinDef Sabah                             | 95.65% |  |
| Bahagian Undang-Undang & Jabatan         | 95.05% |  |

**Juruaudit Terbaik** dihadiahkan kepada Cik Norharinwati bt Baharin dari BADSA dan Puan Wan Salehah binti Wan Salleh Bahagian Akaun dan mereka menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai RM100.00 seorang.

**Sudut Bahagian Terbaik** pula dimenangi oleh Bahagian Pembanguann dengan mendapat markah terbaik sepanjang pengauditan iaitu 100%. Pemenang bagi kategori ini memenangi wang tunai RM500.00 dan Sijil Penghargaan.

**Q' Manager Terbaik** pula dimenangi oleh Puan Rajeswari a/p Veerasanai dari Bahagian Pentadbiran yang dipilih sebulat suara sebagai Q Manager terbaik bagi siri pengauditan kali ini. Beliau mendapat wang tunai RM100.00 dan Sijil Penghargaan.

**Juruaudit Terbaik** dihadiahkan kepada Encik Abu Abas bin Jamaluden dari Bahagian Industri Pertahanan dan Mej Ismail bin Othman dari Bahagian Pentadbiran dan mereka menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai RM100.00 seorang.

**Zon Terbaik** pula dianugerahkan kepada Bahagian Akaun iaitu Zon Bayaran dengan markah 98.70%. Zon ini menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai RM200.00

|  |        |                               |
|--|--------|-------------------------------|
| Bahagian Pentadbiran                     | 99.57  | Zon Helang [Markah tertinggi] |
| Bahagian akaun                           | 98.76% | Zon Bayaran                   |
| Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik | 98.71% | Zon Hanruh                    |

**Ahli Zon Terbaik** telah dianugerahkan kepada Encik Mohd Kamal bin Abu Samah dari Bahagian Pembangunan. Beliau telah mendapat Sijil Penghargaan dan wang tunai sebanyak RM50.00.

|                                    |                                      |
|------------------------------------|--------------------------------------|
| Encik Mohd Kamal bin Abu Samah     | Zon Fire Opal [Bahagian Pembangunan] |
| Puan Suhazliza bt Mohamed Samsudin | Zon Al- Ghazali [BPSM]               |
| Cik Siti Murwati bt Ginir          | Zon Helang [Bahagian Pentadbiran]    |
| Puan Khairulnisha bt Ahmad Johari  | Zon Cegah Rintang [BDPS]             |

Bahagian Akaun 98.78% Bahagian Terbaik akan menerima sebuah Piala Pusingan

|  |        |
|--|--------|
| Bahagian Pentadbiran                     | 98.18% |
| PERHEBAT                                 | 96.52% |
| Bahagian Kewangan                        | 96.48% |
| Mindef Sarawak                           | 96.44% |
| Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am     | 96.30% |
| Jabatan Hal Ehwal Veteren                | 96.30% |
| MinDef Sabah                             | 96.19% |
| Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik | 95.71% |
| Bahagian Perolehan                       | 95.50% |
| Bahagian Pengurusan Sumber Manusia       | 95.18% |





**Sudut Bahagian Terbaik** pula didapati 3 bahagian yang mendapat markah penuh 100% untuk pengauditan Dalam siri 3/2012 dan layak memperoleh perkongsian anugerah berbentuk wang tunai RM100.00 untuk setiap sudut dan Sijil. Bahagian tersebut adalah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Akaun dengan mendapat markah terbaik sepanjang pengauditan iaitu 100%.

**Q Manager Terbaik** pula dimenangi oleh Cik Anis Syairah bt Subki dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang dipilih sebulat suara sebagai Q Manager terbaik bagi siri pengauditan kali ini. Beliau mendapat wang tunai RM100.00 dan Sijil Penghargaan.

**Zon Terbaik** pula dianugerahkan kepada Bahagian Pentadbiran iaitu Zon Helang dengan markah 99.79%. Zon ini menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai RM300.00

|  |        |
|--|--------|
| <b>Bahagian Pentadbiran (Zon Helang)</b>                     | 99.79% |
| <b>Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (Zon Hanruh)</b> | 99.45% |
| <b>Bahagian Akaun (Zon Akaun)</b>                            | 99.36% |

**Ahli Zon Terbaik** telah dianugerahkan kepada 4 wakil terbaik dari 4 bahagian seperti dibawah. Mereka telah mendapat Sijil Penghargaan dan wang tunai sebanyak RM50.00.

|   |   |
|---|---|
| <b>Encik Mohamad Sofie bin Mohamad Isa (Zon Al-Rusyd)</b> | <b>Bahagian Pengurusan Sumber Manusia</b>       |
| <b>Puan Noraini bt Hassan Basri (Zon Amethyst)</b>        | <b>Bahagian Kewangan</b>                        |
| <b>Puan Roszilawati bt Mohd Sarip (Zon Hanruh)</b>        | <b>Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik</b> |
| <b>Puan Fatimah bin Ahmad Sahal (Zon Litigasi)</b>        | <b>Bahagian Undang-Undang</b>                   |







## PASUKAN BOLA SEPAK ATM MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG

Artikel : Mohamed Khairul Bin Kamal (Pelatih UiTM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada 17 Oktober 2012 yang lalu Yang Di Pertuan Agong telah berkenan menerima kunjungan 16 pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama 27 pemain bola sepak Angkatan Tentera Malaysia yang akan bertanding merebut Piala Malaysia di pusingan akhir menentang Pasukan Bola Sepak negeri Kelantan. Baginda telah meluangkan masa lebih satu jam beramah mesra bersama para pemain bola sepak pasukan ATM di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Turut sama hadir adalah Menteri Pertahanan Malaysia iaitu YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi dan juga Panglima Angkatan Tentera iaitu Jeneral Tan Sri Zulkifli Mohd .Zin selaku Presiden Persatuan Bola Sepak ATM. Selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia, Tuanku Abdul Halim telah di hadiahkan jersi Pasukan Bola Sepak ATM yang akan digunakan ketika menentang Pasukan Bola Sepak Kelantan.





## KEMUNCULAN 'THE GLADIATORS'

Artikel : Pbt Yussuhaimi bin Yusuf

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Firdaus

Jolokan 'Manchester City Malaysia' oleh para penyokongnya, selepas melakukan aktiviti pengambilan besar-besaran, membawa nama-nama besar termasuk adik-beradik kembar, Aidil Zafuan dan Zaquan Adha Abdul Radzak, Hairuddin Omar, Mohd. Azmi Muslim, Rezal Zambray Yahya serta dua tonggak import, Marlon Alex James dan Bruno Martelotto. Pelaburan besar itu sekali gus melonjak status Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai gergasi baru bola sepak negara. Muncul sebagai Juara Liga Perdana 2011 dan secara automatik layak ke Liga Super musim hadapan.

Setelah hampir 46 tahun tidak berjaya melangkah ke perlawanan akhir, tahun 2012 menjanjikan kehebatan apabila berjaya ke pentas dalam memburu trofi Piala Malaysia. Kali terakhir ATM mara di pentas akhir ialah pada 1966 apabila menentang Selangor yang mana dikenali dengan kejohanan Piala HMS Malaya. Walaupun akur kepada pasukan Kelantan dan bukan masanya ATM menjulung trofi tersebut untuk tahun ini, semangat juang yang dipamerkan amat membanggakan.

Sikap penyokong yang tidak putus-putus memberikan semangat diharapkan akan menaikkan lagi semangat para pemain ATM. Di harapkan kejayaan dapat dicipta oleh skuad pengendalian B Sathianathan pada musim hadapan sekali gus mengharumkan lagi imej bola sepak Angkatan Tentera Malaysia pada masa hadapan.





## SEHARI BERSAMA MEDIA

Artikel : Mohamed Khairul Bin Kamal (Pelatih UITM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada 5 Oktober yang lalu Menteri Pertahanan Malaysia YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mengadakan lawatan ke Kem Wataniah PUSWATAN yang terletak di Ipoh, Perak. Lawatan ke Kem Puswatan itu disambut oleh para Penuntut Kursus Bakal Pegawai bagi siri 1/2012 dan turut diiringi oleh Panglima Tentera Darat iaitu Jeneral Datuk Haji Zulkifli Bin Haji Zainal Abidin, Panglima 2 Bgd. Asisten Panglima Pasukan Simpanan dan Brig. Jeneral Dato' Abu Musa yang mewakili Panglima Latihan.

Melalui Kursus Latihan yang ditawarkan oleh Kem PUSWATAN ini maka anggota-anggota Askar Wataniah harus tamatkan Kursus sehingga ditauliahkan menjadi pegawai di dalam Rejimen Askar Wataniah. Di dalam lawatan Menteri Pertahanan itu, beliau mengambil kesempatan untuk beramah mesra dengan penuntut-penuntut kursus.

Di samping itu, beliau kata semangat kepada para penuntut agar mereka mampu menaikkan semangat dan moral mereka agar terus tetap berjuang di dalam Askar Wataniah yang saling bersatu bersama Askar Tetap bagi menjaga kedaulatan Negara Malaysia yang dicintai.

Askar Wataniah yang terdiri dari warga awam bertujuan menjadi tentera pelapis yang mampu dianggotai oleh orang awam demi menambahkan warga tentera yang sanggup terus menerus menjaga Pertahanan Malaysia agar tidak diganggu oleh musuh Negara walau di mana sekalipun.



THE HONOURABLE MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA  
YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
8 OCTOBER 2012



## S.W.I.R.M.O

Artikel : Mohamed Khairul Bin Kamal (Pelatih UiTM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Buat julung kalinya di Asia bertempat di Hotel Istana Kuala Lumpur telah berlangsung Majlis Perasmian "Senior Workshop on International Rules Governing Military Operations" oleh Menteri Pertahanan Malaysia pada 8 Oktober tahun 2012. Bengkel yang di sertai oleh 70 pegawai tentera dari 50 buah Negara dan dihoskan bersama oleh Jawatankuasa Palang Merah (ICRC) dan Kementerian Pertahanan Malaysia kendalian Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan, Markas Angkatan Tentera Malaysia. YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah merasmikan acara tersebut bersama dengan Mdm. Christine Beerli iaitu Naib Presiden ICRC dan turut disaksikan oleh Pegawai Kanan Tentera Malaysia dan negara-negara yang menyertai SWIRMO bagi tahun 2012. SWIRMO telah dilangsungkan dari 7 Oktober sehinggalah 13 Oktober tahun 2012.

SWIRMO sering menjadi acara tahunan yang mendapat sambutan dari negara-negara di seluruh dunia dan antara yang penting bagi calendar tentera. Manakala penganjur utama bagi SWIRMO adalah ICRC yang akan bekerjasama dengan angkatan tentera bagi negara yang telah dipilih bagi menganjurkan bengkel itu. Memetik kata-kata Naib Presiden ICRC itu "The workshop will provide an opportunity to share experiences and information on best practises for encouraging and ensuring respect for the applicable law during operations" sekaligus menjawab objektif sebenar bengkel ini diadakan. SWIRMO edisi ke-6 ini adalah pertama kali dianjurkan di Negara sekitar Asia dan Malaysia merupakan Negara yang bertuah kerana dipilih untuk bersama ICRC menganjurkan bengkel ini kerana acara SWIRMO sebelum ini hanya berlangsung di negara-negara sekitar Eropah.





## ISTIADAT MAJLIS PEMASYHURAN CANSELOR DAN KONVOKESYEN UPNM

Artikel : Nurhazirah bt Wan Shamsuri (Pelatih UNISEL)

Foto : Sjn Syuhada bt Abu Bakar

Pada 11 Oktober 2012 berlangsungnya majlis penuh istiadat iaitu Majlis Pemasyhuran Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muad'zam Shah sebagai Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Majlis tersebut diadakan di Majlis Istiadat Konvokesyen ke-3 UPNM bertempat di Dewan Tun Templer Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Sungai Besi.

Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim di lantik sebagai Canselor ke-2 UPNM bagi menggantikan Canselor pertama iaitu Sultan Mizan Zainal Abidin. Selepas selesai istiadat pemasyhuran dan keberangkatan pulang Seri Paduka, Tuanku Puteri Intan Safinaz binti Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah iaitu anakanda Seri Paduka berkenan mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan) kepada Jen [B] Tan Sri Dr Hashim bin Mohd Ali Dan Ijazah Kehormat Sarjana (Pengajian Strategik) kepada Mej Jen [B] Abdullah Harun.

Selain itu, Tunku Puteri Intan Safinaz turut berkenan mengurniakan Ijazah Sarjana Muda kepada 412 graduan yang terdiri daripada 298 pegawai kadet, 112 graduan awam dan dua graduan Program Sarjana.





## KEM TAHUNAN SUKARELA SIRI 2/2012 REJIMEN 515 ASKAR WATANIAH

Artikel : Soong Choi Leng

Foto : Nurul Syuhada binti Maktar (Pelatih Poli-Tech MARA)

Pada 11 hingga 25 Oktober 2012 yang lalu, satu program Latihan Kem Tahunan Siri 2/2012 yang melibatkan 116 peserta diadakan khas kepada Platoon KEMANTAH, Platoon Seni dan juga anggota-anggota sukarela individu.

Objektif latihan kem tahunan dilaksanakan adalah untuk menguji dan memahirkan semua peringkat anggota kepada perkara asas ketenteraan seperti Ilmu Medan Perang dan Taktik Asas. Ini juga bagi memastikan anggota sukarela mampu berfungsi dalam satu kumpulan dan seterusnya diaturgerak untuk melaksanakan tugas mengikut misi yang dipertanggungjawabkan serta memupuk semangat kerjasama serta setiakawan. Selain itu, melalui latihan kem tahunan tersebut anggota juga dapat mempraktikkan dan mengimplementasikan segala ilmu yang telah dipelajari dan dilatih semasa latihan tempatan. Secara tidak langsung, ia akan membina ketahanan mental dan fizikal semua peringkat anggota serta membina semangat yakin diri supaya dapat bekerja dalam satu kumpulan dan pasukan.

Latihan-latihan yang dijalankan sepanjang masa kem tahunan termasuklah Perbarisan Pembukaan Latihan Kem Tahunan, Karnival Sukan seperti pertandingan futsal, latihan menembak, latihan medan dan malam akrob di mana dilatih bawah jurulatih pegawai dan anggota LLP tetap dan sukarela

Pada pogram tersebut juga satu upacara pemakaian pangkat kepada 14 orang anggota berpangkat Prebat ke Lans Koperal serta 3 orang berpangkat Lans Koperal ke Koperal. Upacara tersebut dihadiri Pegawai Memerintah iaitu Lt Kol Hj Roslan bin Hj Zakaria yang merupakan Timbalan Komander Rejimen, Mej Hasril bin Mohamad sebagai Ketua Cawangan Latih serta pegawai-pegawai Kanan Rejimen.







## SATU PENGORBANAN YANG DIHARGAI

Artikel : Muhammad Hisyam bin Mohd Dris (Pelatih UiTM)

Foto : Kpl Shahrul Hezar bin Azizan

Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Hari Pahlawan ke-52 dan Majlis Penutupan Kempen Rayuan Hari Pahlawan 2012 diadakan bagi meraikan pengorbanan yang dilakukan oleh pahlawan Negara. Majlis yang diadakan pada 29 Oktober 2012 yang lalu di Hotel Kingwood Sibu, Sarawak dan telah di rasmikan oleh Menteri Pertahanan YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Turut hadir pada majlis ini ialah Menteri Kewangan II, Menteri Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Negeri Sarawak, YB Dato' Sri Wong Soon Koh, Menteri Muda Pelancongan Negeri Sarawak merangkap Penolong Persatuan Veteran Tentera Malaysia Negeri Sarawak YB Briged Jen Datuk Haji Talib bin Zulpilip dan ramai lagi.

Disamping itu, Menteri Pertahanan YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi turut melancarkan sumbangan veteran tidak berpencen 1 Malaysia (SVBTM). Sumbangan yang diberikan ialah sebanyak RM1000 kepada setiap penerima. Sumbangan ini adalah untuk veteran ATM yang bersara awal kerana berkhidmat kurang daripada 21 tahun dan tidak berpencen. Selain itu, Menteri Pertahanan juga turut menganugerahkan 50 orang veteran ATM negeri Sarawak Pingat Jasa Malaysia bagi menghargai pengorbanan mereka dalam membela dan mendaulatkan Negara.





## 1MALAYSIA BIG BIKE

Artikel : Muhammad Hisyam bin Mohd Dris (Pelatih UiTM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Majlis yang menggabungkan 438/5000 penunggang motorsikal berkuasa tinggi dari seluruh negara telah dianjurkan oleh Superbike Association Malaysia [SAM] pada 11 November 2012 bertempat di Dataran Putrajaya. Malaysia Bike Week ini di rasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak. Penganjuran aktiviti ini untuk lebih mendekatkan Perdana Menteri dengan masyarakat selain mengikis tanggapan masyarakat yang mana penunggang motorsikal berkuasa tinggi ini hanya untuk golongan elit sahaja.

1 Malaysia Bike Week yang menjadikan Putrajaya sebagai sebagai destinasi terakhir jelajah selepas menempuh perjalanan sejauh 1828 KM/2888KM. Jelajah ini juga yang diketuai oleh Abdul Halim yang merupakan ketua jelajah program ini. Jelajah yang berjaya dianjurkan ini dapat mewujudkan semangat persaudaraan sesama ahli yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi karier, bangsa dan agama.

Disamping itu, jelajah ini tidak melibatkan aktiviti menunggang motorsikal semata-mata tetapi juga terlibat dalam aktiviti kebajikan bagi mengeratkan lagi hubungan antara ahli kelab bersama masyarakat setempat. Antara aktiviti kebajikan yang dilakukan bersama sepanjang jelajah ialah membuat kerja pembersihan, melawat orang sakit dan membantu orang miskin.

Siri jelajah 1 Malaysia Bike Week ini juga turut disertai oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi dan turut bersama-sama rombongan berkonvoi ke destinasi yang telah dirancang.





## EC725 COUGAR PENGGANTI NURI

Artikel : Sjn U Irwan bin Alias

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Kemerdekaan yang dikecapi selama 55 tahun menjanjikan keamanan dan keharmonian yang dirasai semua rakyat Malaysia. Namun begitu keamanan yang dikecapi tidak akan berpanjangan jika kekuatan pertahanan negara masih berada ditahap yang sama. Kekuatan pertahanan negara amatlah penting dan haruslah seiring dengan arus pemodenan bagi mengecapi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Atas sebab itulah maka Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kini mengorak langkah baru, apabila aset pertahanan diperhebatkan dengan ketibaan 2 daripada 12 unit pesawat Helikopter EC725 bagi menggantikan sebahagian daripada Helikopter Sikorsky S61A-4 Nuri yang telah digunakan sejak tahun 1968 lagi. Tanggal 3 Disember 2012 memberi lembaran baru apabila pesawat Eurocopter EC725 yang dinantikan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang mana bagi memantapkan lagi tugas-tugas mencari dan menyelamatkan tiba dan mencuri tumpuan semua.

Pesawat canggih ini amat sesuai dengan tugas pengangkutan jarak jauh yang dibangunkan daripada keluarga Super Puma/Caugar untuk kegunaan ketenteraan. Keupayaan membawa 11,000 kilogram ianya juga menggunakan enjin pesawat udara berkembar dengan 29 tempat duduk berpasukan serta dua anak kapal malah dilengkapi radar dan kamera empat warna yang boleh meneliti sesuatu sasaran operasi.

Majlis penyerahan Helikopter EC725 ini telah dilakukan di Terminal Skypark, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Penghantaran pesawat akan dilakukan secara berperingkat. TUDM dijangka akan menerima EC725 ketiga pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) ke-12 yang akan berlangsung pada Mac 2013. Manakala pesawat terakhir akan dijangka tiba menjelang Januari 2014.

Dengan ketibaan semua pesawat EC725 ini, diharapkan Tentera Udara Diraja Malaysia akan berada dalam keadaan siap siaga serta menjaga setiap inci ruang udara daripada dicerobohi pihak musuh. Ini kerana Pertahanan Negara adalah tonggak kesejahteraan negara yang tercinta!

### SPEKIFIKASI EUROCOPTER EC725

#### Ciri Umum

- Muatan :  
1 atau 2 ( Juruterbang + Pembantu Juruterbang)
- Kapasiti:  
Satu tempat duduk ketua + 28 tempat penumpang / tentera
- Panjang:  
19.50 Meter ( 63.98 kaki)
- Diameter rotor :  
16.20 Meter ( 53.14 kaki )
- Tinggi  
4.60 Meter ( 15.09 kaki )
- Berat  
Berat Kosong : 5,330 kilogram  
Berat berisi : 11,200 kilogram  
Berat berlepas maksimum : 11,200 kilogram
- Logi kuasa :  
Dua enjin shaf turbo Turbomeca Makila, 1800 kilowatt setiap satu.



## PROGRAM PENGIKTIRAFAN VETEREN MALAYSIA

Artikel : Wan Nurhazirah Bt Wan Shamsuri (Pelatih UNISEL)

Foto : Megat Mohd Firdaus b. Megat Ahmad

Kementerian Pertahanan Malaysia telah menganjurkan Majlis Pelancaran Program Pengiktirafan Veteran Malaysia bersama-sama Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 15 Disember 2012 (Sabtu).

Acara bermula dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam bertempat di Padang SMK Clifford Kuala Kangsar, Perak. Program Pengiktirafan Veteran Malaysia (IMVRP) ini merupakan sebahagian daripada Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7 (NBOS-7) yang merupakan salah satu inisiatif daripada Program Transformasi Kerajaan untuk Veteran (berpencen dan tidak berpencen).

Selain dari itu, ia menggariskan tujuh inisiatif baru bagi membela nasib dan menjaga kebajikan kira-kira 300,000 veteran tentera dan keluarga mereka. Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) adalah seketeriat yang dilantik secara langsung dalam mengendalikan program ini. JHEV juga bertungkus lumus dalam memastikan kebajikan para veteran ATM dibantu dari segenap aspek terutamanya dari aspek sosio-ekonomi. Selain dari JHEV, seketeriat turut disertai oleh PERHEBAT, BDPS, serta persatuan-persatuan Veteran ATM seluruh negara.





## USAID 2012

Artikel : Muhammad Hisyam bin Mohd Dris (Pelatih UiTM)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Majlis Penyerahan Anugerah US Agency For International Development (USAID) yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat bagi menghargai sumbangan kontinjen MALCON-ISAF di Pakistan, diadakan pada 17 Disember 2012 di Bilik Teratai Wisma Pertahanan. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan bersama Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia iaitu Paul W Jones. Paul W Jones turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Menteri Pertahanan Malaysia sebagai tanda penghargaan sumbangan bakti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan mengeratkan lagi hubungan diplomatik dua hala antara dua negara.

Turut hadir ke majlis ini ialah Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Zulkifeli Bin Mohd Zin serta pegawai-pegawai kanan tentera Kementerian Pertahanan. Sumbangan yang diberikan oleh kontinjen MALCON-ISAF dapat meringankan beban rakyat Pakistan dan dapat memenuhi keperluan asas rakyat Pakistan seperti kemudahan air, kesihatan dan elektrik. Di antara projek yang dijalankan MALCON ISAF ialah seperti projek kawalan kualiti air, pembangunan pusat latihan pertolongan cemas dan kesihatan, projek pemasangan sistem tenaga solar, pembinaan "Maternity Waiting Home" untuk wanita mengandung dan projek peningkatan Pusat Pergigian di Hospital Wilayah Bamyan Pakistan





**BATALION KEDUA  
REJIMEN 502 ASKAR WATANIAH  
KEM SEKSYEN 16  
40000 SHAH ALAM  
[No Telefon : 03-55193779- Sel Pengambilan ]  
[ No Fax :55126968]**

**Syarat Masuk Berkhidmat Askar Wataniah**

- = Warganegara Malaysia
- = Lelaki Dan Wanita
- = Umur 18- 40
- = Ketinggian
  - Lelaki - 152 Cm [5' 2"]
  - Wanita - 147 Cm [ 4' 8"]
- = Berat Badan
  - Lelaki - 45 Kg [100 Lb]
  - Wanita - 40 Kg [90lb]
- = Ukuran Dada : (Lelaki Sahaja)
  - Biasa = 30 Cm
- = BMI (Berat ÷ Tinggi ÷ Tinggi )  
Tidak Kurang 18 Dan Tidak Lebih 27

**Dokumen Yang Perlu Disertakan [ Fotostat ]**

- = Kad Pengenalan - 4 Salinan
- = Surat Beranak - 4 Salinan
- = Surat Berhenti Sekolah - 4 Salinan
- = Sijil Akademik Sekolah - 4 Salinan
- = Gambar Ukuran Passport - 4 Salinan
- = Buku Akaun Bank MAYBANK/CIMB - 2 Salinan
- = Sijil Nikah Dan Surat Beranak Anak - 2 Salinan  
(Bagi Yang Telah Berkahwin /Janda/Duda)

**Catitan :**

Sekiranya pemegang Kad Pengenalan sementara perlu disahkan.

**ELAUN LATIHAN TEMPATAN**

- = Semua Peringkat Pegawai - Rm 580
- = Pbt Ke Pegawai Watan 1 - Rm 4.00

**LAIN-LAIN KEISTIMEWAAN**

- = Bonus Tahunan (Bounty )
  - @ Bounty Penuh 380 Jam - Rm520.00
  - @Bounti  $\frac{3}{4}$  240 Jam - Rm 390.00
  - @Bounti  $\frac{1}{2}$  120 Jam - Rm 260.00
- = Elaun Pakaian (Pegawai Sahaja) Setelah Ditauliahkan - Rm 125.00
- = Elaun Pengangkutan
- = Pakaian Seragam Percuma
- = Rangsum Percuma Bagi Latihan Melebihi 10 Jam Dan Berkursus
- = Tempat Penginapan Percuma
- = Pemeriksaan Percuma
- = Peluang Berkursus Di Pusat Latihan Askar Wataniah (Puswatan) Dan Lain-Lain Institute /Pusat/Sekolah Ketenteraan
- = Lawatan Sambil Belajar/Ekspedisi/Kembara Duga Dan Riadh
- = Peluang Kenaikan Pangkat
- = Peluang Dikerah Sepenuh Masa Dalam Angkatan Tentera
- = Peluang Melibatkan Diri Dengan Ekseksais/ Latihan Dengan Negara-Negara Luar

| Jarak Perjalanan  | Kelas   |         |         |         |         |
|-------------------|---------|---------|---------|---------|---------|
|                   | A (Sen) | B (Sen) | C (Sen) | D (Sen) | E (Sen) |
| 500 Km Pertama    | 60      | 50      | 30      | 25      | 20      |
| 150 Km Berikutnya | 55      | 45      | 25      | 20      | 15      |
| 150 Km Berikutnya | 50      | 40      | 20      | 15      | 10      |

| Kelas                     | Gaji                          | Sukatan Silinder             |                              |
|---------------------------|-------------------------------|------------------------------|------------------------------|
|                           |                               | A                            | Tidak kurang rm1777.60/bulan |
| B                         | Tidak kurang rm 1573.00/bulan | 1000 cc Dan Ke Atas          |                              |
| C                         | Tidak kurang rm 1071.00/bulan | Di Bawah 1000 cc             |                              |
| Lt M Dan Peringkat Rendah | D                             | Kurang rm 1071.00/bulan      | Tidak Kurang 175 cc          |
|                           | E                             | Kurang dari rm 1071.00/bulan | Di Bawh 175 cc               |

#### JENIS-JENIS LATIHAN

- = Latihan Asas Bakal Perajurit Muda
  - ⓐ Latihan Berterusan Selama 30 Hari
- = Latihan Anggota Terlatih Berpangkat Prebet Ke Atas
  - ⓐ Latihan Tempatan

10 jam setiap minggu pada Sabtu dan Ahad selama 24 kali latihan dalam setahun sehingga cukup 240 jam.

- ⓐ Latihan Lanjutan

Latihan bergaji penuh mengikut jumlah hari bertugas melebihi 72 jam atau 3 hari tidak melebihi 14 hari.

- ⓐ Latihan Kem Tahunan
- ⓐ Latihan berterusan selama 15 hari.
- ⓐ Gaji dan Elaun Berkuatkuasa mulai Julai 2007.

| Bil | Pangkat          | Gaji    | Elaun Khidmat | Jumlah         |                   |
|-----|------------------|---------|---------------|----------------|-------------------|
| 1.  | Brig Jen         | 5870.50 | 800.00        | <b>6670.50</b> | PEGAWAI           |
| 2.  | Kolonel          | 5263.34 | 550.00        | <b>5813.34</b> |                   |
| 3.  | Leftenan Kolonel | 4432.68 | 300.00        | <b>4732.68</b> |                   |
| 4.  | Mej              | 3052.84 | 300.00        | <b>3352.84</b> |                   |
| 5.  | Kapt             | 2134.38 | 300.00        | <b>2434.38</b> |                   |
| 6.  | Lt               | 1769.75 | 160.00        | <b>1969.75</b> |                   |
| 7.  | Lt Muda          | 1527.50 | 160.00        | <b>1687.50</b> |                   |
| 8.  | PW I             | 2303.64 | 115.00        | <b>2418.64</b> | LAIN-LAIN PANGKAT |
| 9.  | PW II            | 2046.41 | 115.00        | <b>2161.41</b> |                   |
| 10. | SSjn             | 1862.44 | 115.00        | <b>1977.40</b> |                   |
| 11. | Sjn              | 1514.22 | 115.00        | <b>1629.22</b> |                   |
| 12. | Kpl              | 1234.47 | 115.00        | <b>1349.47</b> |                   |
| 13. | Lkpl             | 1175.68 | 115.00        | <b>1290.68</b> |                   |
| 14. | Pbt              | 889.20  | 115.00        | <b>1004.20</b> |                   |
| 15. | Perajurit muda   | 821.98  | 65.00         | <b>886.98</b>  |                   |



ISSN 1311-1849



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

**MALAYSIA**

Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur

Tel : +603 2071 4008 / 2071 5042

Fax : +603 2691 1757